

BAHAGIAN A (SOALAN OBJEKTIF)

Pilih jawapan yang betul bagi kenyataan yang dinyatakan di bawah.

1. Apakah penyakit yang disebarkan oleh virus melalui titisan lembapan seperti bersin atau batuk?

- A. Campak
- B. Cacar
- C. Rubella
- D. Kepialu

2. Pilih urutan merawat luka kecil yang betul.

- I Sapukan antiseptic
- II Sapukan ubat luka
- III Cuci luka dengan air bersih
- IV Tampalkan plaster bagi menutup luka.

- A. III, I, II, IV
- B. I, II, III, IV
- C. II, III, I, IV
- D. IV, I, II, III

3. Jenis penyakit yang manakah yang berkaitan dengan simptom yang berikut?

Ruam berwarna ungu di belakang telinga dan di atas kening

- A. Cacar
- B. Campak
- C. Rubella
- D. Beguk

4. Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan perkhidmatan dan keselamatan yang berkaitan.

- Memadamkan kebakaran
- Penyeliaan keselamatan bangunan

- A. Klinik Kesihatan
- B. Balai Polis
- C. Hospital
- D. Balai Bomba

5. Antara pernyataan berikut merupakan simptom bagi penyakit beguk **kecuali**


- A. Hilang selera makan
- B. Bengkak pada kelenjar liur
- C. Demam ringan
- D. Batuk

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah



6. Gambar di atas, menunjukkan sebuah keluarga yang bahagia. Pada pendapat anda bagaimanakah cara untuk mengeratkan perhubungan yang harmoni dalam keluarga?
- A. Bertolak ansur dan saling memahami
 - B. Bergaduh dan berselisih faham
 - C. Tidak suka bercampur dengan ahli keluarga
 - D. Menyendiri
7. Mengapakah kita perlu berhati-hati apabila memberikan maklumat peribadi kepada orang lain?
- A. Mudah berkenalan
 - B. Menjaga keselamatan diri
 - C. Mendedahkan identiti diri
 - D. Meningkatkan gejala sosial
8. Apakah itu melecet?
- A. Terjadi akibat terjatuh
 - B. Terjadi akibat daripada kekerapan berlaku geseren di antara lapisan epidermis kulit
 - C. Kecederaan kulit tisu
 - D. Luka kerana terkena benda tajam
9. Apakah fungsi faraj pada sistem reproduktif perempuan?
- A. Tempat persenyawaan
 - B. Menghasilkan hormon
 - C. Menerima sperma dari zakar
 - D. Tempat fetus membesar
10. Berdasarkan menu di bawah, yang manakah merupakan menu makanan seimbang untuk sarapan pagi?
- A. Bijirin, susu, coklat
 - B. Susu, roti dan telur rebus
 - C. Burger, roti, air buah
 - D. Telur, kentang goreng, susu

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Nyatakan kepentingan mengambil pelbagai jenis makanan.

- I Membina tumbesaran yang sempurna
- II Mengekalkan berat badan seimbang
- III Mencegah obesiti
- IV Menambah selera makan

- A. I dan II
- B. II dan III

- C. I, II dan III
- D. III dan IV

12. Ibu dan bapa Salleh selalu bertengkar menyebabkan Salleh tertekan dan stress. Apakah yang perlu Salleh lakukan?

- A. Mendingamkan diri
- B. Bergaduh sekali
- C. Berkongsi masalah dengan orang yang boleh dipercayai
- D. Menangis sahaja

13. Antara berikut kesan konflik dan stress, **kecuali**

- A. Gangguan kesihatan
- B. Cepat marah
- C. Gembira
- D. Putus asa

14. Berikut merupakan jenis penyakit berjangkit, **kecuali**

- A. Penyakit cacar
- B. Penyakit beguk
- C. Penyakit rubella
- D. Penyakit demam

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah



15. Apakah keburukan hubungan secara maya?

- A. Dapat berkongsi maklumat
- B. Dapat berhubung
- C. Penyamaran
- D. Berkongsi pengalaman

16. Mengapakah kita dilarang menyapu minyak pada tempat yang melecur?
 A. Cepat sembuh
 B. Menyebabkan jangkitan
 C. Luka lambat sembuh
 D. Luka menjadi bernanah
17. Nyatakan bahan yang boleh dikategorikan sebagai bahan inhalan.
 A. Ubat gegat, pengilat kuku dan gam
 B. Gam, kapur dan cuka
 C. gula, bahan perasa dan ubat gegat
 D. Thinner, pengilat kuku dan sabun
18. _____ dapat membantu remaja dalam menangani masalah konflik dan stress alam remaja.
 A. Bergaul dengan rakan
 B. Menjaga kebersihan dan kesihatan
 C. Berkongsi masalah dengan keluarga
 D. Bercerita kepada orang yang tidak dikenali.
19. Antara berikut yang manakah bukan kesan jangka panjang penyalahgunaan bahan inhalan?
 A. Kerosakan sel-sel otak
 B. Gangguan penglihatan
 C. nafas tidak sekata
 D. Kematian mengejut
20. Aktiviti berikut boleh menyebabkan kesan melecur **kecuali**
 A. Berjemur di tengah panas terik
 B. Terkena pisau ketika menghiris
 C. Terkena minyak panas
 D. Terkena air panas
21. Antara berikut, yang manakah ^{bukan} proses persenyawaan?
 A. Sperma dan ovum bersatu
 B. Menjadi fetus
 C. Zigot terbentuk
 D. Embrio tidak membesar
22. Bagaimanakah caranya untuk menghargai dan menghormati anggota seksual diri dan orang lain?
 A. Menyentuh organ genital individu lain
 B. Tidak menunjukkan anggota seksual kepada orang lain
 C. Menyebut perkataan lucah
 D. Melihat anggota seksual orang lain
23. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan konflik dalam keluarga?
 A. Bergaduh di sekolah dengan rakan
 B. Masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu
 C. Diejek oleh rakan tentang kekurangan diri
 D. Pergaduhan ibu bapa di hadapan ank-anak

Rakan kamu menunjukkan anggota seksualnya kepada kamu dengan sengaja

24. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan kamu?
- A. Melaporkan perbuatannya kepada guru disiplin
 - B. Mentertawakannya
 - C. Memarahinya
 - D. Membiarkan sahaja perbuatannya
25. Cucu sering bertanyakan khabar datuk dan nenek menggunakan telefon bimbit dan e-mel. Tanggungjawab di atas merupakan tanggungjawab dalam aspek _____
- A. Mental
 - B. Emosi
 - C. Fizikal
 - D. Sosial
26. Antara peranan berikut, yang manakah **bukan** peranan remaja dalam masyarakat?
- A. Mematuhi peraturan yang ditetapkan
 - B. Menjaga maruah diri
 - C. Tidak mengamalkan pergaulan sihat
 - D. Menjaga kesihatan diri
27. Bagaimanakah cara untuk menangani cabaran perhubungan maya yang tidak selamat?
- A. Tidak mendedahkan maklumat peribadi kepada orang yang baharu dikenali
 - B. Ibu bapa tidak perlu mengambil tahu dengan siapa anak berhubung
 - C. Mudah terpedaya dengan gambar dan janji orang yang baharu dikenali itu.
 - D. Memuat naik gambar yang negatif di laman sosial untuk mendapat tarikan
28. Apakah simptom penyakit cacar?
- A. Suhu badan menjadi panas
 - B. Demam ringan, ruam, rasa mual dan bengkak pada kelenjar limfa
 - C. Demam dan kemudian timbul bintik-bintik merah
 - D. Demam panas dan hilang selera makan
29. Antara penyakit berikut, yang manakah mempunyai simptom-simptom yang sama?
- A. Cacar dengan beguk
 - B. Campak dengan rubella
 - C. Rubella dengan beguk
 - D. Campak dengan cacar

30. Antara berikut, yang manakah fungsi Malaysia Emergency Response Services (MERS)?
- A. Memberikan perkhidmatan pendidikan
 - B. Memberikan maklumat tambahan untuk menyiapkan kerja sekolah
 - C. Memberikan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan
 - D. Memberikan bantuan kewangan


BAHAGIAN B (SOALAN SUBJEKTIF)

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Lelaki mempunyai testis yang menghasilkan sperma. _____ akan memasuki faraj melalui zakar.
2. Perempuan pula mempunyai ovari yang menghasilkan _____. Sperma dan ovum bercantum di saluran Falopio.
3. Percantuman sperma dan ovum akan membentuk _____. Zigot bertukar menjadi embrio.
4. _____ membesar menjadi fetus dalam uterus ibu selama lebih kurang 9 bulan. Bayi akan dilahirkan melalui _____ ibu.

(10 markah)

B. Nyatakan Kesan jangka panjang terhadap fizikal dan mental akibat penyalahgunaan bahan inhalan.




(10 markah)

C. Lengkapi

1. Berikan cara-cara mengatasi stress dan konflik.

- a) _____
- b) _____



2. Nyatakan harapan keluarga terhadap diri kamu

a) _____

b) _____



3. Nyatakan peranan remaja dalam masyarakat

a) _____

b) _____



4. Berikan dua pengaruh positif dalam perhubungan maya

a) _____

b) _____

5. Nyatakan dua simptom penyakit rubella

a) _____

b) _____

(20 markah)